

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KAJIAN DALAM BEBERAPA ASPEK INDUSTRI PERIKANAN  
AIRTAWAR DI MALAYSIA-SATU KAJIAN CONTOH DI  
MUKIM LAMBOR, PERAK TENGAH

Latihan Ilmiah ini diajukan kepada Pusat Pengajian  
Ilmu Kemanusiaan untuk memperolehi gelaran  
SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN

Oleh

HAMDAN BIN ABU BAKAR

DI BAWAH PENYELIAAN

Dr. GOH KIM CHUAN

PULAU PINANG

Februari 1984

## KANDUNGAN

BAB	MUKA SURAT
KATA PENGHARGAAN.....	v
ABSTRAK.....	vii
ABSTRACT.....	ix
SENARAI JADUAL .....	xi
SENARAI RAJAH .....	xii
SENARAI GAMBAR .....	xiii
1. LATARBELAKANG INDUSTRI PERIKANAN DI MALAYSIA ....	1
1.1. Pengenalan .....	1
1.2. Kedudukan industri perikanan laut masa kini.	4
1.3. Kedudukan perikanan airtawar di Semenanjung Malaysia .....	10
Nota kaki.....	18
2. MASALAH KAJIAN .....	21
2.1. Tujuan-tujuan .....	21
2.2. Anggapan dasar dan hipotesis-hipotesis.....	22
2.3. Skop kajian .....	24
2.4. Kawasan kajian .....	25
2.5. Kaedah yang digunakan .....	29
2.6. Batasan kajian .....	32
Nota kaki .....	33
3. LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN .....	34
Nota kaki .....	44
4. PENTERNAKAN IKAN AIRTAWAR- SATU KAJIAN CONTOH DI MUKIM LAMBOR, PERAK TENGAH.....	45
4.1. Pengenalan .....	45
4.2. Pemilihan tempat yang sesuai untuk kolam ...	47
4.3. Pembinaan kolam ikan .....	48
4.4. Membubuh kapur, baja dan benih ikan .....	52
4.5. Pengawasan kolam .....	56

4.6. Memungut hasil ikan airtawar.....	61
4.7. Aspek pasaran dan kewangan.....	68
4.7.1. Pasaran ikan airtawar .....	68
4.7.2. Aspek kos .....	75
4.8. Persepsi responden terhadap projek tersebut...	77
Nota kaki .....	88
5. MASALAH-MASALAH DALAM PERIKANAN AIRTAWAR DAN USHAH KERAJAAN MEMBANTU INDUSTRI PERIKANAN DI NEGARA INI .....	89
5.1. Masalah-masalah dalam perikanan airtawar.....	89
5.2. Perbandingan industri perikanan airtawar di Malaysia dengan beberapa buah negara lain.....	96
5.3. Usaha kerajaan membantu industri perikanan di Malaysia .....	100
Nota kaki .....	107
6. KESIMPULAN .....	110
BIBLIOGRAFI.....	112
LAMPIRAN .....	115
A. Bilangan dan keluasan kolam ikan yang ber- operasi dari tahun 1974 hingga 1979.....	115
B. Luas kolam ikan dalam operasi pada 31 nb. Disember 1976-1981.....	116
C. Rajah kawasan projek ternakan ikan kolam, ng. Talang, Lambor Kanan, Perak Tengah.....	117
D. Jenis-jenis ikan airtawar yang biasa diternak diternak di kolam-kolam di Malaysia.....	118
E. Di antara jenis-jenis ikan airtawar yang terdapat di Malaysia.....	119
F. Soal-Selidik.....	120

### KATA PENGHARGAAN

Dalam menyiapkan kajian ini, tidak mungkin ia siap tanpa mendapat bantuan dan tunjuk ajar dari seseorang untuk menjalankan dan menyiapkan kajian ini. Saya ingin mengucapkan terimakasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Goh Kim Chuan yang telah sudi memberi panduan dan seterusnya menyemak dan membetulkan isi kandungan laporan ini.

Selain itu, ucapan terimakasih saya juga kepada beberapa pegawai di Jabatan Perikanan Negeri Perak, Inoh terutama kepada Pembantu Perikanan bagi daerah Perak Tengah iaitu Encik Mohd Khalil kerana sudi memberi maklumat dan data-data yang diperlukan dalam menyiapkan laporan ini. Juga kepada Encik Aziz yang menjadi pengerusi Persatuan Kolam Ikan berkelompok, Lambor Kanan yang memberi pertolongan kepada penulis dari segi hal ehwal kolam-kolam ikan tersebut dengan segala yang terdaya olehnya.

Akhir sekali, saya ucapkan terimakasih kepada beberapa pegawai di Pejabat Daerah Perak Tengah di Parit dan di Kementerian Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur yang turut membantu saya dalam menyiapkan kajian ini

serta kepada kawan-kawan sebilik saya yang memberi semangat yang kuat kepada saya dalam menyudahkan Latihan Ilmiah ini.

Hamdan Abu Bakar

Ilmu Kemanusiaan

15 hb. Februari 1984

ABSTRAK

Kajian ini adalah hasil dari kajian luar yang telah dijalankan dalam daerah Perak Tengah pada masa cuti panjang pada pertengahan 1983. Ia dibuat untuk mengkaji beberapa aspek dalam industri perikanan yang telah dijalankan di sebuah kawasan dalam daerah Perak Tengah sejak 1980. Kepentingannya ialah kerana ia dijalankan secara berkelompok yang terbesar di Perak, dan oleh itu beberapa aspek perlu dikaji mengenai pelaksanaannya.

Kajian ini dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi dari data-data mentah yang ada serta data-data sekunder melalui pembacaan dari buku-buku dan peta. Dalam kajian ini pemerhatian sendiri telah dilakukan. Kajian ini lebih kepada corak penghuraian ke atas apa yang dilihat di kawasan kajian. Penekanan dibuat ke atas masalah yang timbul dari projek yang dijalankan tersebut.

Hasil kajian ini menunjukkan kepentingan perikanan airtawar di negara ini mula terasa apabila terdapat kemerosotan penghasilan perikanan laut akibat dari sumber hidupan laut yang semakin berkurang hasil dari pengenalan bot-bot pukut turda pada akhir tahun enam-puluhan dan juga kerana pencemaran di perairan laut.